S. SELVANATHAN

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATO' SYED AHMAD IDID H.
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-49-1994]
27 OKTOBER 1994

PROSEDUR JENAYAH: Pelupusan eksibit - Perintah melupuskan anjing - Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991 - Samada perintah pelupusan perlu spesifik - Samada Majisteret perlu menerangkan cara bagaimana anjing hendak dilupuskan - Kanun Prosedur Jenayah s. 406A(i).

Dalam kes ini seekor anjing yang dikenali sebagai Le Roc yang dimilikki oleh Chew Cheng Moi (Puan Chew) telah menyerang dan menggigit hingga mati seorang perempuan tua, Neoh Kim Lean. Pada 5 Oktober 1994 Puan Chew telah mengaku salah bagi kesalahan di bawah ss.13(2) dan 14(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991. Mahkamah Majistret telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3500 bagi kesalahan-kesalahan tersebut dan selanjutnya memerintahkan supaya Le Roc dilupuskan. Dalam perintahnya itu Puan Majistret tidak menerangkan cara bagaimana Le Roc sepatutnya dilupuskan dan hanya memerintahkan supaya Le Roc "diserahkan kepada pihak pendakwa untuk dilupuskan".

Pemohon telah membuat usul supaya Mahkamah Tinggi menyemak kes ini di bawah s. 31 Courts of Judicature Act 1964 dan seterusnya membuat perintah untuk mengakaskan perintah Puan Majistret di atas demi "kepentingan keadilan dan kepentingan awam", serta atas alasan bahawa Puan Majistret telah silap di sisi undang-undang apabila menggunakan s. 406A (i) dalam membuat perintah itu dan sekaligus gagal untuk mempertimbangkan peruntukan s. 407(ii) Kanun Prosedur Jenayah (KPJ).

Di hadapan Yang Arif Hakim isu yang timbul ialah samada wujud alasan yang kukuh untuk meluluskan usul pemohon tersebut, dan jika tidak, samada perintah Majistret berkenaan perlukan penghuraian lanjut dan dengan itu harus diubah atau dipinda oleh Mahkamah menerusi kuasa semakannya.

Diputuskan:

[1] Atas rekod yang ada dan dari apa yang dibangkitkan oleh pemohon Mahkamah tidak dapat meluluskan usul yang dipohonnya. Berdasarkan rekod, adalah jelas bahawa Puan Majistret telah menangani kes ini beserta dengan eksibitnya dengan betul dan tidak melakukan apa-apa kesilapan.

[2] Walau bagaimanapun berdasarkan peruntukan s. 410 KPJ, adalah terbuka bagi Mahkamah ini, sekiranya perlu dan sesuai, untuk bertindak di bawah peruntukan tersebut bagi mengubahsuai, meminda ataupun memansuhkan terus sesuatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah Majistret itu. Dalam kes ini terdapat keraguan tentang cara bagaimana Le Roc harus didisposkan oleh kerana Puan Majistret di dalam perintahnya itu, tidak menyebut dengan cara yang spesifik atau

"in what manner" eksibit berkenaan patut dilupuskan. Dalam halkeadaan ini, Mahkamah dengan kuasa yang diberikan kepadanya oleh s. 410 KPJ di atas, dengan ini mengubahsuai dan menghuraikan perintah tersebut dan memerintah supaya anjing Le Roc dilupuskan secara dirampas dan diserahkan kepada Jabatan Polis (Unit Pengesan, Unit D6 atau lain-lain unit yang berkenaan) untuk rehabilitasi atau latihan semula dan seterusnya ditugaskan sebagaimana yang perlu bagi mencapai objektif perkhidmatan itu. Dan sekiranya selepas beberapa bulan, Le Roc didapati tidak dapat dipulihkan, maka dia bolehlah dihapuskan.

(Perintah Majisteret diubahsuai sekadarnya).

Kes-kes yang dirujuk:
Re Soo Leot [1956] MLJ 54 ***(dirujuk)***
Liaw Kwai Wah & Anor. v. Public Prosecutor [1987] 2 MLJ 69 SC / [1987] CLJ 35 ***(dirujuk)***
Lim Poon Pok v. Public Prosecutor [1947] 13 MLJ 172 ***(dirujuk)***
Tan Lian v. Rex [1947] 13 MLJ 196 ***(dirujuk)***
Hoh Chee Khim & Ors. v. Public Prosecutor [1970] 2 MLJ 105 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor v. Yew Yong Kong [1953] 19 MLJ 15 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts Judicature Act 1964, ss. 31, 35 & 36
Kanun Prosedur Jenayah, ss. 2, 3, 4, 311, 315, 316, 317, 323, 406A, 406A(2), 407(ii), 410 & 433
Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan), s. 13(2)

Bagi pihak pemohon - S. Selvanathan, T/n. Thevin Chandran & Wong
Bagi pihak responden - Mohd. Yusof bin Haji Zainal Abidin, TPR

ALASAN PENGHAKIMAN

Syed Ahmad Idid H:
Mahkamah ini telah dipohon membuat perintah untuk "mengakaskan"(?) (adakah ini bermakna memansuhkan atau membatalkan iaini "reverse") keputusan Puan Majistret yang "telah memerintah pemusnahan anjing yang dikenali sebagai Le Roc" (jenis Rottweiler). Apabila Mahkamah Tinggi membaca dengan teliti maka terdapat bahawa perintah itu cuma menggunakan perkataan "dilupuskan".

Mengikut affidavit (pemohon) seorang peguambela dan peguamcara, "permohonan di sini adalah berasaskan kepentingan keadilan dan juga kepentingan awam" dan "Puan Majistret telah silap dari segi undang-undang" apabila beliau menggunakan s. 406A(i) Kanun Prosedur Jenayah. Mengikut "charge sheet" atau Kertas Pertuduhan, kes di Mahkamah Majistret adalah "Arrest/Tangkapan" (bukan kes Summons sepertimana dianggap oleh Pemohon). Lihat s. 2 Kanun Prosedur Jenayah mengenai tafsiran "Summons case" dan "warrant case" dan Undang-Undang Kecil 20 di mana penalti adalah "fine ... term of imprisonment not exceeding one year" (Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1991).

Fakta

Pada 5 Oktober 94, Chew Cheng Mooi (f) telah mengaku salah bawah dua tuduhan:

(i) gagal memastikan anjing kamu supaya tidak berkeliaran - 13(2) Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991 dan

(ii) telah membiarkan anjing menyerang dan menggigit seorang perempuan Neoh Kim Lean Undang-Undang Kecil 14(1)

dan pesalah telah dihukum di bawah Undang-Undang Kecil 20 dan (i) didenda RMl,500 j.t.b. satu bulan penjara dan (ii) denda RM2,000 j.t.b. 4 bulan penjara dan P2 (iaitu anjing Le Roc) diserah kepada pihak pendakwa untuk **dilupuskan.**

Sungguhpun hukuman tidak begitu berat, tetapi Undang-Undang Kecil 14(2) memperuntukkan bahawa "pemunya anjing itu adalah bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi bagi kecederaan yang dilakukan oleh anjing itu" ("owner of dog is liable in damages for injury caused").

Saya suka tegas di sini sebelum kita mara ke hadapan bahawa mengikut s. 3 Kanun Prosedur Jenayah, "... all offences **under any other law** shall be inquired into and tried according to the same provisions" (iaini termaktub dalam Kanun Prosedur Jenayah). Justeru itu apa diteruskan oleh Puan Majistret adalah mengikut undang-undang.

Pemohon telah mencadang supaya Mahkamah Tinggi menggunakan kuasa untuk menyemak kes ini di bawah s. 31 Courts of Judicature Act 1964 tetapi itu adalah terhad "in accordance with any law for the time being in force relating to criminal procedure" (dan ini bermakna Kanun Prosedur Jenayah). Kuasa Mahkamah Tinggi mengikut s. 4 Kanun Prosedur Jenayah terkecuali dari segala yang terkandung dalam Kanun tersebut dan segalanya tidak boleh dianggap sebagai pengurangan kuasa-kuasa atau bidang kuasa Mahkamah Tinggi. In *Re Soo Leot* [1956] MLJ 54, Buhagiar J following the principles laid down by Jenkins CJ in *Emperor v. Lachiram* held that "the powers of the High Court in revision are excercisable at the discretion of the Court and that discretion is untramelled and free so as to be exercised according to the exigencies of each case.

Walau bagaimanapun sebelum sesuatu kes itu disemak semula (s. 323 Kanun Prosedur Jenayah) Mahkamah Tinggi mesti "memuaskan hatinya tentang kebetulan, kebenaran atau munasabah sebarang pendapat, hukuman atau perintah ..." Sila lihat *Liaw Kwai Wah & Anor v. Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69 SC) dan Mahkamah Tinggi mengikut budibicaranya boleh menggunakan kuasa yang diberi oleh ss. 311, 315, 316 dan 317 dalam kanun tersebut.

Permohonan telah sebut bahawa Puan Majistret "telah gagal untuk mempertimbangkan s. 407(ii) Kanun Prosedur Jenayah" dan seterusnya "pihak Dato' Bandar boleh memerintah perampasan dan pemusnahan anjing tersebut jika dibuktikan bahawa ia adalah merbahaya mengikut Undang-Undang Kecil 15 tersebut". Mengikut keputusan dari *Lim Poon Pok v. Public Prosecutor* [1947] 13 MLJ 172, the Criminal (or Subordinate) Court has a general power of forfeiture. Of course, before a Court exercises this power the Court should, where practicable, give the owner an opportunity of showing cause. *Tan Lian v. Rex* [1947] 13 MLJ 196. In our case it was the dog's owner who consented to the Magistrate's order (see also *Hoh Chee Khim & Ors. v. Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 105.

Berkaitan dengan perkara ini juga saya difahamkan bahawa ada pihak-pihak yang memohon "Notes of proceedings" dari Mahkamah Rendah dan memetik s. 433 Kanun Prosedur Jenayah. Seksyen itu jelas bahawa cuma "pengadu atau tertuduh atau **orang yang berkaitan dengan sesuatu penghakiman atau perintah**" sahaja boleh dibekalkan. Saya tak dapat melihat pemohon sebagai seorang yang

berkenaan dan dengan itu Mahkamah Rendah telah mengambil keputusan betul apabila tidak membekalkan "salinan sebarang perintah atau deposisi atau lain bahagian rekod".

Jelas lebih baik jika peguam yang terlibat di Mahkamah Rendah berkaitan dengan kes Tangkap No. B83-535-94 itu membuat rayuan jika ianya berfikir elok dan sesuai. Jika saya memberi arahan di bawah usul ini maka itu bermakna seorang peguam adalah lebih baik dari seorang lain dan ini juga membawa kepada rasa syak yang ada peguam "rides rough shod over the publicity which has been generated". Juga tuan Timbalan Pendakwa Raya membantah permohonan ini (the Deputy Public Prosecutor raised a preliminary objection).

Jika kita pakai s. 35 Courts of Judicature Act 1964, Mahkamah Tinggi ada kuasa yang tidak terhad ("general supervisory and revisionary jurisdiction over all subordinate courts") dan jika difikirkan sesuai "in the interests of justice ..." s. 36 tidak memberi kepada sesiapa hak untuk didengar jika Mahkamah Tinggi "exercises its powers of revision".

Mengikut suratkhabar, "the family of the victim also said they would seek legal redress to spare Le Roc -" (Sunday Star 9 October 1994). According to the Star (Saturday 8 October), the son of the deceased, (victim of Le Roc's attack) Kelvin Tan said, "The animal should be spared as it is innocent" and that "the Vice-President of Malaysia Kennel Association, Dr. C.G.A. Fonseka, the dog's trainer and veterinarian had agreed to give evidence at the inquiry" (The Star, Thursday 13 October) and Mr. Michael Chong MCA Public Complaints and Services Bureau Chief said the Bureau was receiving "30 calls daily from animal lovers pleading that Le Roc be spared" (Sunday Mail 9 October). "Mahkamah dirayu tarik balik hukuman mati Le Roc" (Utusan Malaysia 10 Oktober 1994) di mana Maha Veero Shuyi, Pengerusi Persatuan Agama Buddha berkata "Jika rayuan kami ini diterima, pihak kami juga bercadang untuk mengambil dan memelihara Le Roc." Utusan Melayu (7 Oktober) cadang supaya "langkah mempamerkan Le Roc di Zoo Negara dirasakan satu langkah yang wajar" dan Sunday Mail (9 October) memberi amaran bahawa "... once a dog had killed a human being, the probability of it doing so again if such an opportunity presents itself was high" dan seorang dog lover Hardial Singh (New Straits Times, 7 October) kata "Unlike humans, there is no way Le Roc can speak and defend itself, so it should not be destroyed" dan Zaharah Nawawi menulis dalam Utusan Malaysia (12 Oktober) "Serah Le Roc kepada polis". Kesemua kertas-kertas berkaitan telah dikemukakan oleh pemohon. I have also in the meantime received letters one of which bears 218 signatures.

Permohonan nampaknya aneh oleh kerana seorang manusia telah mengambil tindakan ini. Hari ini seekor anjing. Jangan pula esok Mahkamah dibanjiri dengan permohonan bagi ayam, itek, kerbau, harimau, ular dan lain-lain haiwan. Perasaan dan intelek perikemanusiaan mesti ada batasan.

Saya suka tegas di sini tidak ada kuasa yang boleh menggerak Mahkamah Tinggi selain dari Undang-Undang dan Perlembagaan (there is no force that can shake the Courts) tetapi Mahkamah boleh beri simpati (sympathy may move the Courts to be lenient).

Atas rekod yang ada dan dari apa yang dibangkitkan oleh pemohon saya tidak dapat meluluskan usul yang dipohon itu. On the face of the records the learned Magistrate

was right in her treatment of the case and the exhibits. Permohonan ditolak. The application is dimissed with costs. Exhibit A1 (newspaper clippings) is returned to Mr. Selvanathan.

But I am amenable to acting under s. 410 of the Criminal Procedure Code which provides that the High Court "may direct an order made by a Magistrates" Court to be stayed pending consideration by the High Court who may then modify, alter or annul that order".

Apabila Puan Majistret perintah anjing diserah kepada pihak pendakwa untuk "dilupuskan" itu jelas "for disposal" (Daftar Istilah Undang-Undang 1990). Tetapi Kamus Dewan beri makna "lupus" sebagai "hapus, luput dan hilang" dan Kamus Dwibahasa pula sebagai "membuang", walhal "destruction" bermakna "pembinasaan" dan "destroy" (dari kamus Inggeris-Melayu Dewan) bermakna memusnahkan.

Dari perintah Puan Majistret ada keraguan di antara makna sebenarnya - was it for disposal (a generic term similar to confiscate) or in specie to destroy? Mari kita rujuk semula ke Kanun Prosedur Jenayah s. 406A. Mahkamah dikehendaki membuat keputusan "... in what **manner** the exhibits shall be disposed of ..." provided that "... if any person claims delivery to him of any exhibit ... the Court shall make such order regarding the disposal ..." Dan s. 407 (ii) sebut bahawa "... the Court may make such order ... for the custody or disposal ..." dan kuasa yang diberi termasuk "order for forfeiture or confiscation or for the destruction ... of such property" ("bagi melucutkan atau perampasan atau membinasakan"). Jika ada cara yang ditentukan oleh Akta atau Undang-Undang Kecil yang berkaitan, maka cara itu mesti diikut. *Public Prosecutor v. Yew Yong Kong* [1953] 19 MLJ 15.

Seksyen 406A (2) was enacted for the forgetful Magistrate. Adalah sesuai jika tiap-tiap Majistret memberi perintah "in what manner" atau cara specific bagaimana eksibit patut dilupuskan iaitu adakah dengan perlucutan (forfeiture), perampasan (confiscation) atau membinasakan (destruction) atau cara lain?

Oleh kerana Puan Majistret cuma perintah anjing dilupuskan dengan tidak membatasi atau mendorong caranya, maka saya di bawah s. 410 Kanun Prosedur Jenayah sekarang "modify" (atau "amplify") iaitu menghuraikan perintah itu supaya anjing Le Roc dilupuskan secara dirampas dan diserahkan kepada Jabatan Polis (Unit Pengesan, Unit D6 atau lain-lain unit yang berkenaan) untuk rehabilitation atau latihan semula dan seterusnya ditugaskan sebagaimana yang perlu bagi mencapai objektif perkhidmatan itu. Pihak-pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan ambil tindakan dengan secepat mungkin untuk melaksanakan perintah ini.

However, after a couple of months, should the police consider that the dog is beyond redemption, then they will put it to sleep.